Zumatex Engineering Sdn Bhd lwn Chung Yoo Hock dan satu lagi

A

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO WA-22NCvC-619–08 TAHUN 2019
AZIMAH OMAR H
11 JUN 2021

B

Prosedur Sivil — Permohonan untuk meminda pernyataan tuntutan — Permohonan berdasarkan hasil siasatan ke atas dokumen yang diperoleh berikutan perintah injunksi — Sama ada permohonan plaintif adalah bona fide — Sama ada defendan diprejudiskan — Sama ada defendan boleh dipampas dengan kos — Sama ada pindaan akan mengubah sifat guaman — Sama ada terdapat kelewatan dalam memfailkan permohonan — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 20 k 5

C

D

Ini adalah permohonan plaintif (kandungan 96) untuk meminda pernyataan tuntutannya. Plaintif adalah sebuah syarikat yang menjalankan perkhidmatan kejuruteraan yang banyak terlibat di dalam kontrak yang dikenali sebagai 'Engineering, Procurement, Construction & Commission' ('EPCC') bagi kerja-kerja kejuruteraan elektrik, infrastruktur dan gas. Defendan pertama adalah salah seorang pengarah defendan kedua. Pada masa material, defendan kedua (menjalankan kerja-kerja subkontrak bagi projek-projek kejuruteraan gas yang diawadkan kepada plaintif. Persepakatan atau perjanjian persepakatan antara defendan pertama, Dato' Seri Syed Nazeer bin Abdul Kareem ('Syed Nazeer') dan plaintif telah dimasuki untuk menggunakan plaintif sebagai platform perniagaan. Menurut plaintif, defendan pertama telah mematuhi persetujuan bersama atau persepakatan tersebut sehinggalah tahun 2015. Syed Nazeer telah mendapati bahawa projek-projek dari bahagian gas telah berkurangan, akan tetapi atas kepercayaan terhadap defendan pertama, Syed Nazeer telah beranggapan defendan pertama mengalami kesukaran untuk mendapat projek-projek gas pada masa itu. Namun, Syed Nazeer telah mendapati bahawa plaintif mempunyai satu lagi akaun bank RHB ('akaun RHB') yang mana melalui pemeriksaan silang ke atas dokumen-dokumen akaun dan invois beliau (Syed Nazeer) mendapati akaun RHB tersebut adalah aktif dengan transaksi-transaksi bayaran telah dimasukkan ke dalamnya, bukannya di dalam akaun CIMB sepertimana yang dipersetujui. Setelah tindakan defendan pertama terbongkar, suatu perbincangan telah diadakan di antara pengarah plaintif dan defendan pertama sekitar Ogos 2018. Semasa perbincangan itu, defendan pertama telah bersetuju untuk mengemukakan jumlah keseluruhan kontrak yang telah diperolehi atau diawad kepada plaintif serta membekalkan dokumen-dokumen bagi jumlah bayaran keseluruhan yang telah diterima bagi projek-projek bahagian gas dan jumlah tahanan

E

F

G

H

I

terhutang dan/atau terakru oleh defendan pertama dan/atau defendan kedua terhadap plaintif. Dalam pernyataan tuntutannya, plaintif telah memohon relif-relif berupa deklarasi, injunksi dan ganti rugi. Defendan-defendan menafikan sebarang kemungkiran kontrak, amanah dan kewajipan fidusiari yang didakwa oleh plaintif dan turut menuntut balas jumlah terhutang kepada defendan-defendan menurut perjanjian usaha sama dan kerjasama tersebut daripada plaintif. Bagi mempertimbangkan sama ada permohonan plaintif untuk meminda pernyataan tuntutan boleh dibenarkan atau tidak, mahkamah perlu menentukan tiga soalan asas iaitu: (a) sama ada permohonan untuk pindaan plaintif dibuat secara suci hati (bona fide); (b) sama ada permohonan untuk pindaan plaintif akan menimbulkan prasangka terhadap pihak defendan-defendan dan ianya boleh dipampas dengan kos; dan (c) sama ada pindaan-pindaan yang dipohon oleh plaintif akan menukar ciri/karakter guaman daripada satu ciri ke ciri yang lain dan yang bertentangan.

Diputuskan, membenarkan permohonan dengan kos sebanyak RM3,500 dibayar kepada defendan-defendan:

(1) Cadangan pindaan tersebut melibatkan pindaan yang banyak. Namun demikian, mahkamah ini juga berpandangan bahawa pindaan tersebut hendaklah dibaca secara keseluruhan dengan senario tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan. Dokumen-dokumen yang diserahkan oleh defendan-defendan berdasarkan perintah injunksi yang diperolehi plaintif bukan sahaja melibatkan dokumen-dokumen awam tetapi juga dokumen-dokumen berhubung jumlah wang yang telah dikeluarkan dan digunakan oleh defendan-defendan tanpa pengetahuan dan persetujuan plaintif. Dokumen-dokumen seperti levi, caj-caj perbankan, dokumen-dokumen perubahan kerja ('variation order') ('VO') yang baru diperoleh semestinya menyebabkan plaintif perlu memohon untuk meminda pernyataan tuntutannya bagi memplidkan tuntutannya dengan jelas dan lebih terperinci Oleh itu, defendan-defendan tidak boleh menyatakan bahawa cadangan pindaan yang dipohon oleh plaintif bukanlah suatu permohonan yang suci hati (bona fide) kerana sebelum ini dokumen-dokumen tersebut tidak berada di dalam milikan plaintif dan tidak berada di dalam pengetahuan plaintif. Pindaan-pindaan yang dipohon adalah hasil siasatan lanjut yang telah dibuat ke atas dokumen-dokumen tersebut. Mahkamah juga bersetuju dengan hujahan peguam plaintif bahawa pindaan-pindaan yang dipohon oleh plaintif adalah pindaan-pindaan yang bona fide (lihat perenggan 37 & 39–43).

(2) Mahkamah tidak dapat menerima hujahan peguam defendan-defendan bahawa cadangan pindaan dalam perenggan-perenggan 8, 12, 15 dan 136(a) akan mengubah sifat tindakan guaman ini kepada sifat yang tidak konsisten dengan guaman kini kerana defendan-defendan sememangnya sedar dan mengetahui pengaturan perniagaan atau struktur perniagaan di antara plaintif dan defendan pertama yang telah bermula sejak

perhubungan defendan pertama dengan Izzuan dan Mayamas di mana kerjasama antara mereka sebelum menjadi rakan kerja, dan kemudian melibatkan Datuk Lim Kim Chong bagi mendapatkan kontrak-kontrak gas daripada GMB. Di perenggan-perenggan tersebut, plaintif memohon membuat pindaan bagi mengamplifikasi serta menjelaskan tuntutan plaintif dengan lebih lengkap supaya fakta-fakta dan isu-isu dapat dikenal pasti. Cadangan pindaan-pindaan dalam tersebut sememangnya dalam pengetahuan defendan-defendan dan perenggan-perenggan tersebut bertujuan memperincikan maklumat-maklumat pengaturan perniagaan kedua-dua pihak plaintif dan defendan-defendan dan ianya tidak akan mengubah sifat tindakan guaman yang bersandarkan dakwaan pecah kontrak persepakatan, pecah amanah dan pemecahan tugas fidusiari. Maklumat-maklumat yang diplidkan dalam cadangan pindaan tersebut adalah semata-mata untuk melengkapkan dan memberikan konsistensi dengan apa yang telah diplidkan dalam pernyataan tuntutan dan yang telah diplidkan oleh defendan-defendan dalam pernyataan pembelaan mereka (lihat perenggan 44–45).

(3) Sekiranya plaintif tidak dibenarkan untuk meminda pernyataan tuntutannya, maka pendedahan fakta-fakta dan isu-isu sebenarnya yang merangkumi tuntutan plaintif akan dihadkan dengan secara pra matang dan ini akan memprejudiskan plaintif. Mahkamah mendapati bahawa cadangan pindaan-pindaan yang dipohon oleh plaintif yang membutirkan fakta-fakta terperinci perjanjian persepakatan dan pengaturan perniagaan antara plaintif dan defendan-defendan tidak akan memprejudiskan defendan-defendan kerana defendan pertama dalam pernyataan pembelaannya sendiri mengakui wujudnya perjanjian persepakatan dan pengaturan perniagaan tersebut. Kalaupun ada prejudis, defendan boleh dipampas dengan kos (lihat perenggan 46).

(4) Isu kelewatan plaintif dalam memfailkan permohonan yang dibangkitkan defendan-defendan adalah tidak bermerit. Plaintif telah memfailkan permohonan di kandungan 96 pada 30 Disember 2020 dan permohonan ini adalah bersandarkan kepada dokumen-dokumen yang telah dikemukakan/diserahkan defendan-defendan atas arahan perintah injunksi yang telah dikeluarkan oleh mahkamah ini pada 23 Jun 2020 dan semasa pengurusan kes pra perbicaraan, plaintif juga telah memaklumkan kepada mahkamah mengenai hasrat plaintif untuk memfailkan permohonan untuk meminda pernyataan tuntutannya (lihat perenggan 49).

[English summary

This was the plaintiff's application ('encl 96') to amend his statement of claim. Plaintiff was a company that operated engineering services that were heavily involved in contracts known as the Engineering, Procurement, Construction

& Commission ('EPCC') for electrical, infrastructure and gas engineering works. The first defendant was one of the directors of the second defendant. At the material time, the second defendant carried out subcontracted work on gas engineering projects entrusted to the plaintiff. The agreement between the first defendant, Dato' Seri Syed Nazeer bin Abdul Kareem ('Syed Nazeer') and the plaintiff was entered to use the plaintiff as a business platform. According to the plaintiffs, the first defendant had complied with the agreement until 2015. Syed Nazeer had found that projects from the gas division had decreased, but to his belief towards the first defendant, Syed Nazeer had assumed the first defendant had difficulty getting gas projects at the time. However, Syed Nazeer had discovered that the plaintiff had another RHB bank account ('RHB account') which through cross-examination of his account and invoice documents (Syed Nazeer) found that the RHB account was active with payment transactions had been deposited into it, not in the CIMB account as agreed. After the first defendant's actions were found out, the discussion was held between the plaintiff's director and the first defendant around August 2018. During the discussion, the first defendant agreed to pay the total amount of contract obtained to the plaintiff as well as supplying documents for the total amount of payment received for gas division projects and the amount of detention owed and/or accrued by the first defendant and/or the second defendant against the plaintiff. In his statement of claim, the plaintiff had applied for relief of declarations, injunctions and damages. The defendants denied any claim on breach of contract, trust and fiduciary obligations alleged by the plaintiff and also counter-claimed the amounts owed to the defendants pursuant to the joint venture agreement and cooperation from the plaintiff. To consider whether the plaintiff's application to amend the statement of claim could be justified or not, the court must first determine three basic questions namely: (a) whether the application for amendment of the plaintiff was made in good faith (bona fide); (b) whether the application for amendment of the plaintiff would prejudice the defendants and it could be compensated by cost; and (c) whether the amendments sought by the plaintiff would change the legal characteristics/character to another and vice versa.

Held, allowing the application with costs of RM3,000 to the defendants:

(1) The proposed amendments quite broad and numerous. However, the court was of the opinion that the amendments should be read in its entirety with the scenario of the plaintiff's claim against the defendants. The documents submitted by the defendants following the injunction obtained by the plaintiff not only involved the public documents but also documented relating to the amount of money that have been issued and used by the defendants without the plaintiff's knowledge and consent, documents relating to levy, banking charges, work change documents ('VO') and accordingly the plaintiff would have applied to amend his statement of claim. The defendants cannot contend that the proposed

amendments were bona fide because such documents were not in the plaintiff's possession and were not in the plaintiff's knowledge. The amendments applied for were due to further investigations that had been made on the documents. The court also agreed with the plaintiff's solicitor that the amendments applied by the plaintiff were bona fide amendments (see paras 37 & 39–43).

(2) The court did not agree with the defendants that the proposed amendments in paras 8, 12, 15 and 136(a) would change the nature of this legal action with the present suit as the defendants were aware of the business arrangements or business structure between the plaintiff and the first defendant since the first defendant's relationship with Izzuan and Mayamas. The cooperation between them involved Datuk Lim Kim Chong to obtain gas contracts from GMB. In these paragraphs, the plaintiff requested to make amendments to further clarify the plaintiff's claims so that the facts and issues could be identified. The proposed amendments were indeed in the knowledge of the defendants and the amended paragraphs were intended to detail the business arrangements of both the plaintiff and the defendants . It would not alter the nature of the legal action based on allegations of breach of contract, breach of trust and dismissal of fiduciary duties. The information provided in the proposed amendments were consistent with what had been pleaded in the statement of claim and and the statement of defence of the defendants (see paras 44–45).

(3) If the plaintiff was not allowed to amend his statement of claim, the facts and actual issues on the plaintiff's claim would be premature and this would prejudice the plaintiff. The court found that the proposed amendments which detailed the facts on the agreement and business arrangement the parties would not prejudice the defendants because the first defendant in his own statement of defence acknowledged the existence of such agreements and business arrangements. Even if there was a prejudice, the defendant could be compensated by costs (see para 46).

(4) The issue of the plaintiff's delay in filing an application was no merit. The plaintiff has filed an application in encl 96 as of 30 December 2020 and this application was based on documents submitted by the defendants based on an injunction by the court on 23 June 2020. Also, at case management before the trial, the plaintiff has also informed the court of the plaintiff's intention to file an application to amend his statement of claim (see para 49).]

Kes-kes yang dirujuk

Alloy Consolidated Sdn Bhd & Anor v Dato' Dr Hj Adam bin Harun [2011] 5 MLJ 655; [2011] 4 AMR 301, MP (dirujuk)

A *Associated Leisure Ltd (Phonographic Equipment Ltd) v Associated Newspapers Ltd* [1970] 2 QB 450, MR (dirujuk)
Clarapede & Co v Commercial Union Association (1883) 32 WR 263 (dirujuk)
Dato' Tan Heng Chew v Tan Kim Hor and another appeal [2009] 5 MLJ 790, MR (dirujuk)
B *Datuk David Teng Lung Chi v Chiew Chin Sing, the Secretary of DAP Sarawak (being sued on behalf of DAP Sarawak) & Anor and another appeal* [1998] 5 MLJ 585, MT (dirujuk)
Mahan Singh v Government of Malaysia [1973] 2 MLJ 149 (dirujuk)
C *Ultra Dimension Sdn Bhd v Sepadan Tuah Sdn Bhd* [2000] MLJU 231; [2000] 6 CLJ 548, MT (dirujuk)
Wu Siew Ying (t/a Fuh Lin Bud-Grafting Centre) v Gunung Tunggal Quarry & Construction Sdn Bhd & Ors [2008] 2 MLJ 69, MR (dirujuk)
YB Datuk Dr Soon Choon Teck v YB Datuk Robert Lau Hoi Chew & Ors [2009] 3 MLJ 785; [2009] 4 AMR 759, MR (dirujuk)
D *Yamaha Motor Co Ltd v Yamaha Malaysia Sdn Bhd & Ors* [1983] 1 MLJ 213, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

E Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 s 34(1), (2)
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 20 k 5, 5(1), A 92 k 4

Barry Goh Meng Yew (Goh Jen Nie dan Ahmeena Banu bt Abdul Aziz bersamanya) (Ahmeena Aziz & Partners) bagi pihak plaintif.
F *Foo Joon Liang (Kang Mei Yee bersamanya) (Gan Partnership) bagi pihak defendan.*

Azimah Omar H:

G **[1]** Kandungan 96 adalah permohonan yang telah difailkan oleh plaintif menurut A 20 k 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') dan/atau A 92 k 4 KKM 2012 memohon kebenaran mahkamah ini untuk meminda pernyataan tuntutannya.

H LATAR BELAKANG KES

[2] Untuk maksud permohonan kandungan 96 ini, pihak-pihak akan dirujuk sebagaimana kedudukan mereka dalam tuntutan asal.

I **[3]** Bagi memahami dengan jelas permohonan plaintif dalam kandungan 96, latar belakang kes yang membawa kepada pemfailan guaman ini oleh plaintif perlu diketengahkan terlebih dahulu. Ianya adalah seperti berikut:

(a) plaintif adalah Zumatex Engineering Sdn Bhd (plaintif dalam tindakan asal);

(b) plaintif adalah sebuah syarikat yang menjalankan perkhidmatan kejuruteraan yang banyak terlibat di dalam kontrak yang dikenali sebagai 'Engineering, Procurement, Construction & Commission' (EPCC) bagi kerja-kerja kejuruteraan elektrik, infrastruktur dan gas. plaintif adalah sebuah syarikat yang telah mempunyai lesen G7 diisukan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan lesen di bawah Suruhanjaya Tenaga Malaysia (STM);

(c) defendan pertama (Chung Yoo Hock — D1) adalah salah seorang pengarah defendan kedua. Pada masa yang material defendan kedua (Oceanergy Gases Sdn Bhd — D2) menjalankan kerja-kerja subkontrak bagi projek-projek kejuruteraan gas yang diawadkan kepada plaintif;

(d) defendan pertama pada mulanya adalah rakan sekerja kepada Izzuan Hairi Asfarizal bin Bahari (Izzuan) dan kemudiannya perhubungan ini telah berterusan sebagai rakan perniagaan dengan penglibatan mereka berdua dalam plaintif pada dan sekitar tahun 2012;

(e) kemudiannya defendan pertama bersama Dato' Seri Syed Nazeer bin Abdul Kareem (Syed Nazeer) dan Izzuan serta Mayamas bt Omar (Mayamas) telah bersepakat untuk menggunakan plaintif sebagai platform untuk mendapatkan projek-projek. Pada masa yang material Izzuan dan Mayamas adalah pengarah-pengarah plaintif;

(f) struktur plaintif ketika itu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian elektrik dan bahagian gas;

(g) defendan pertama mengetuai bahagian kejuruteraan gas untuk projek-projek di bawah Gas Malaysia Bhd (GMB). defendan pertama telah membawa masuk defendan kedua bagi menjalankan kerja-kerja subkontrak yang diperolehi atau diawadkan kepada plaintif;

(h) Syed Nazeer dan Izzuan pula mengetuai bahagian elektrik;

(i) adalah fakta yang tidak dipertikaikan bahawa atas perjanjian persepakatan tersebut segala kerja-kerja bahagian gas yang diawadkan kepada plaintif adalah dijalankan oleh defendan kedua'

(j) persepakatan atau perjanjian persepakatan antara defendan pertama, Syed Nazeer dan plaintif dalam menggunakan plaintif sebagai platform perniagaan adalah atas terma-terma berikut:

(i) bagi setiap projek yang dibawa masuk oleh mana-mana mereka (defendan pertama, Syed Nazeer dan Izzuan) atas nama plaintif, 5% daripada jumlah kontrak yang dibawa masuk hendaklah ditahan (*retained*) sebagai 'Jumlah Tahanan';

(ii) jumlah tahanan tersebut hendaklah ditahan di akaun plaintif yakni CIMB Cawangan Bandar Baru Sri Petaling dengan nombor akaun 1429–000–8419–05–6 (yang kini bernombor 80010200336)

(Akaun CIMB tersebut) milik plaintif. Wang tersebut akan digunakan untuk perbelanjaan pejabat dan bakinya sebagai keuntungan terkumpul;

(iii) tujuan jumlah tahanan tersebut adalah bagi digunapakai plaintif bagi membayar perbelanjaan pejabat ('office expenditure') seperti gaji kakitangan pengurusan, sewa pejabat, utiliti, alat tulis, pembaharuan tahunan lesen G7 CIDB dan lesen di bawah STM. Apa-apa baki selepas itu hendaklah dibiarkan terkumpul di dalam akaun plaintif sebagai keuntungan terkumpul ('accumulated profit');

(iv) manakala baki 95% daripada jumlah kontrak yang dibawa masuk oleh setiap mereka (defendan pertama/Syed Nazeer/Izzuan), mereka yakni defendan pertama/Syed Nazeer/Izzuan diberi kebebasan untuk mengurus dan/atau menggunapakai sebagaimana yang difikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada membuat bayaran kepada pembekal, sub-kontraktor, membayar kos-kos kontrak, peralatan, jentera, tenaga buruh, bayaran levi CIDB bagi tiap-tiap projek, menyediakan 'bank guarantee' dan membayar faedah ke atasnya, membayar deposit kepada badan-badan kawal selia ('regulatory bodies') dan menggajikan diri mereka sendiri; dan

(v) penandatangan Akaun CIMB tersebut adalah D1 dan salah seorang daripada Izzuan ataupun Mayamas.

(k) namun melalui Resolusi Pengarah pada 14 Disember 2015, penandatangan pengarah plaintif bagi Akaun CIMB tersebut telah ditukar kepada Izzuan dan Mayamas. D1 pula telah diberi kebenaran untuk menjadi 'Sole Authorised Signatory' bagi subskripsi perkhidmatan perbankan atas talian Bizchannel @ CIMB;

(l) menurut plaintif, defendan pertama (D1) telah mematuhi persetujuan bersama atau persepakatan tersebut sehinggalah tahun 2015;

(m) pada sekitar tahun 2015 juga, Syed Nazeer telah mendapati bahawa projek-projek dari bahagian gas telah berkurangan, akan tetapi atas kepercayaan terhadap D1, Syed Nazeer telah beranggapan D1 mengalami kesukaran untuk mendapat projek-projek gas pada masa itu;

(n) namun, pada 8 September 2017, apabila Syed Nazeer menyertai plaintif sebagai Pengarah (dan mengambil alih 10% pegangan dalam plaintif), dalam usaha beliau mengumpulkan maklumat akaun-akaun teraudit bagi merancang penyusunan dan penstrukturan semula plaintif dari segi operasi dan kewangan, Syed Nazeer telah mendapati bahawa plaintif mempunyai satu lagi akaun Bank RHB (akaun RHB) yang mana melalui pemeriksaan silang ke atas dokumen-dokumen akaun dan

invois beliau (Syed Nazeer) mendapati akaun RHB tersebut adalah aktif dengan transaksi-transaksi bayaran telah dimasukkan ke dalamnya. Sehubungan dengan itu, Syed Nazeer telah membuat semakan dengan Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat kemudiannya telah mengesahkan bahawa terdapat satu resolusi Pengarah bertarikh 12 Oktober 2015 (eksh 'SN13', kandungan 4) yang antara lain melantik D1 untuk menjadi penandatangan tunggal (*sole signatory*) bagi akaun RHB tersebut bagi pihak plaintif. Walau bagaimanapun, Mayamas dan Izzuan menafikan pernah memberi kebenaran atau menandatangani resolusi RHB tersebut;

(o) Syed Nazeer menegaskan bahawa apabila perjanjian persepakatan bermula, pengarah-pengarah plaintif hanya menggunakan akaun CIMB sahaja dan semua akaun-akaun aktif plaintif yang lain telah ditutup;

(p) setelah tindakan D1 terbongkar, suatu perbincangan telah diadakan di antara Pengarah plaintif dan D1 sekitar Ogos 2018. Semasa perbincangan itu, D1 telah bersetuju untuk mengemukakan jumlah keseluruhan kontrak yang telah diperolehi atau diawad kepada plaintif serta membekalkan dokumen-dokumen bagi jumlah bayaran keseluruhan yang telah diterima bagi projek-projek Bahagian Gas dan Jumlah Tahanan terhutang dan/atau terakru oleh D1 dan/atau defendan kedua terhadap plaintif;

(q) pihak-pihak telah berusaha untuk menyelesaikan perkara ini di luar mahkamah sehinggalah pada 28 July 2019 yang mana komunikasi telah gagal dan plaintif memfailkan tindakan ini di mahkamah; dan

(r) dalam perenggan 121 pernyataan tuntutannya, plaintif telah memohon relif-relif berupa deklarasi, injunksi dan ganti rugi.

PEMBELAAN DAN TUNTUTAN BALAS DEFENDAN-DEFENDAN

[4] Defendan-defendan dalam membela tindakan plaintif terhadap mereka telah memplidkan pembelaan-pembelaan yang berikut:

(a) pada dasarnya perjanjian persepakatan yang didakwa oleh plaintif di antara plaintif dan defendan-defendan tidak dinafikan oleh defendan-defendan. Namun begitu, versi defendan-defendan berhubung perjanjian persepakatan yang dimasuki mereka (plaintif dan defendan pertama) adalah seperti berikut:

(i) pada tahun 2010, plaintif hanya mempunyai lesen Gred 5 daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Walau bagaimanapuan, oleh sebab plaintif tidak mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk melaksanakan kerja-kerja, semua kerja yang dianugerahkan oleh Gas Malaysia Bhd (GMB) kepada plaintif dijalankan oleh Power Bastion Sdn Bhd (PB) yang mana defendan

pertama merupakan pemegang saham. Dalam perkara ini, defendan pertama menyatakan bahawa PB menjalankan semua kerja projek dianugerahkan GMB, menanggung semua kos dan risiko projek;

(ii) plaintif dan defendan pertama telah memasuki perjanjian lisan bahawa 95% daripada pembayaran diterima akan dibayar kepada PB untuk projek bernilai sehingga RM1 juta;

(iii) disebabkan masalah plaintif terdahulu, GMB meminta jaminan bahawa defendan pertama akan mengambil alih keseluruhan pengurusan projek termasuk aliran kewangan projek, oleh itu beliau telah dilantik secara rasmi oleh Izzuan pada 1 Januari 2012 sebagai pemimpin/pengurus projek untuk bahagian salur paip plaintif;

(iv) atas pelantikan tersebut, defendan pertama telah diberi kuasa oleh plaintif untuk mengemukakan tender, menandatangani surat-surat anugerah dan melaksanakan perjanjian-perjanjian berkenaan dengan perniagaan gas bagi pihak plaintif. defendan pertama menafikan bahawa beliau tidak diberikan kuasa untuk menandatangani surat-surat anugerah dan kontrak-kontrak;

(v) sekitar 2015, plaintif dan defendan pertama bersetuju untuk meneruskan hubungan kerjasama berdasarkan syarat-syarat sama seperti syarat-syarat dipersetujui pada tahun 2012 tersebut kecuali ia melibatkan defendan kedua yang mana:

(1) untuk projek di bawah RM1 juta, defendan kedua berhak mendapat 95% dan plaintif akan mendapat 5%, daripada bayaran yang diterima;

(2) untuk projek lebih daripada RM1 juta, agihan kepada plaintif adalah di bawah 5% daripada bayaran yang diterima;

(3) semua kos dan perbelanjaan untuk menjalankan kerja akan ditanggung oleh defendan kedua;

(4) bagi sebarang deposit sekuriti yang diperlukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dengan pengisuan permit kerja, defendan-defendan akan membayar terlebih dahulu tetapi 100% harus dipulang kepada mereka pada akhir tempoh liabiliti kerosakan dan apabila yang sama dipulangkan oleh pihak berkuasa;

(5) plaintif tidak perlu memasukkan modal;

(6) defendan pertama memberi keizinan kepada plaintif untuk menggunakan premis Pejabat defendan kedua di No 11-21-M, Jalan Jalil Perkasa 15 defendan kedua memiliki Pejabat di No 11-21-1 dan No 11-21-M, Jalan Jalil Perkasa 15, Aked Esplanad, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur;

(7) defendan pertama menegaskan bahawa defendan kedua bukan sekadar seorang subkontraktor sahaja seperti yang dinyatakan oleh plaintif tetapi defendan kedua ialah rakan kongsi kerana defendan kedua menjalankan semua kerja dianugerahkan kepada plaintif, menanggung semua kos dan risiko projek-projek. Suatu peratusan untuk kerjasama tersebut disebabkan pembahagian risiko;

(8) defendan-defendan menafikan dakwaan plaintif berkenaan dengan pegangan 5% sebagai jumlah tahanan;

(9) tiada perjanjian berkenaan dengan akaun bank plaintif tertentu untuk menerima pembayaran projek. Dengan itu, defendan-defendan menafikan bahawa pembayaran bagi setiap kontrak oleh mana-mana majikan kontrak telah ditetapkan untuk dibayar ke dalam akaun CIMB Bank plaintif dengan No akaun 1429-000-8419-05-6 (nombor akaun baru: 8001020336);

(10) Lembaga Pengarah plaintif sendiri meluluskan beberapa resolusi untuk mengizinkan defendan pertama mengendalikan dua daripada empat akaun bank plaintif iaitu akaun CIMB dan RHB plaintif;

(11) pada lewat 2015, Izzuan memberitahu defendan pertama bahawa untuk mendapatkan pembaharuan lesen TNB, plaintif dikehendaki memegang akaun bank dengan Bumiputera sebagai penandatangan diberi kuasa. Sehubungan dengan itu, Lembaga Pengarah meluluskan satu lagi resolusi pada 19 November 2015 untuk penukaran penandatangan diberi kuasa bagi akaun CIMB kepada Izzuan dan Mayamas. Namun begitu, defendan pertama dikekalkan sebagai satu penandatangan diberikuasa tunggal bagi akaun atas talian CIMB;

(12) berhubung dengan akaun RHB, pengarah-pengarah plaintif sendiri meluluskan resolusi untuk melantik defendan pertama sebagai penandatangan bagi akaun tersebut;

(13) akaun RHB tersebut telah digunakan untuk menerima hasil-hasil kontrak daripada GMB sejak tahun 2013 lagi dan defendan pertama telah diberi kuasa oleh pengarah-pengarah untuk mengendalikan akaun tersebut untuk tujuan perniagaan Bahagian Gas. Malah, mana-mana pengarah plaintif boleh mendapati pendedahan penuh transaksi-transaksi akaun RHB daripada RHB pada bila-bila masa;

(14) Mayamas telah menandatangani Resolusi Pengarah bertarikh 12 Oktober 2015 membenarkan defendan pertama untuk menjadi penandatangan tunggal bagi akaun RHB tersebut manakala tandatangan Izzuan tidak diperlukan kerana pada masa tersebut

beliau telah berhenti menjadi seorang pengarah plaintif sejak 17 Julai 2013;

(15) pengendalian RHB Reflex Cash Management oleh defendan pertama telah diberi kuasa sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah plaintif. Kenyataan daripada plaintif bahawa plaintif tidak mengetahui kewujudan kemudahan tersebut merupakan satu pembohongan semata-mata;

(16) semasa defendan pertama mengambil alih pengurusan kewangan plaintif pada tahun 2015, beliau mendapati bahawa pengurusan kewangan plaintif adalah teruk. Setelah defendan pertama mengambil alih operasi dan pengurusan kewangan plaintif, perniagaan plaintif banyak dimajukan. Tanpa penglibatan defendan pertama, plaintif tidak akan mendapat projek-projek gas daripada GMB. Justeru, defendan pertama menafikan dakwaan plaintif bahawa beliau gagal mengisytiharkan projek yang mana telah memprejudiskan plaintif;

(17) setelah Syed Nazeer menjadi pemegang saham dan pengarah plaintif, beliau membuat perubahan kepada pengurusan plaintif. Disebabkan perubahan ini, defendan pertama bimbang defendan-defendan tidak akan dibayar semula jumlah perbelanjaan dan tidak akan dibayar sewajarnya berdasarkan perjanjian tersebut;

(18) defendan pertama meminta untuk satu perjanjian bertulis disediakan bagi melindungi kepentingan defendan-defendan. Draf perjanjian telah disediakan dan dihantar kepada Syed Nazeer dan Izzuan. Walau bagaimanapun, mereka tidak memberi balasan ke atas draf tersebut;

(19) defendan-defendan menafikan dakwaan plaintif bahawa defendan-defendan memberi pengakuan keberhutangan defendan pertama dan/atau defendan kedua. Sebaliknya, susulan kepada kepada draf perjanjian tersebut dan sebagai tanda muhibah untuk menyelesaikan isu-isu pembayaran secara baik, defendan pertama menghantar emel kepada Syed Nazeer pada 21 Mac 2019 menunjukkan jumlah yang plaintif akan perolehi jika mereka bersetuju untuk melaksanakan draf perjanjian tersebut;

(20) lanjutan itu, sepertimana yang diminta oleh plaintif, defendan-defendan telah menyerahkan invois-invois berkaitan untuk menyokong tuntutan defendan-defendan tetapi tiada pembayaran atau respon diberikan oleh pihak plaintif. Pada akhirnya, Syed Nazeer tidak bersetuju dengan draf perjanjian tersebut dan sebaliknya ingin menghantar draf perjanjian yang disediakan olehnya;

(21) plaintif ingin memonopoli kontrak-kontrak yang sebelum ini defendan-defendan telah perolehi bagi pihak plaintif dan mengecualikan defendan-defendan. Defendan pertama terkejut apabila dipanggil oleh GMB untuk menghadiri mesyuarat GMB dan plaintif pada 3 Mei 2019;

(22) setelah itu, defendan-defendan terus menyiapkan projek-projek GMB yang sedang berjalan seperti yang dipersetujui pada 3 Mei 2019. Pada masa yang sama, defendan pertama menghantar ringkasan jumlah tahanan, deposit jaminan dan jaminan bank dibayarkan oleh defendan kedua bagi plaintif untuk projek-projek gas kepada plaintif sebagai penyelesaian secara baik;

(23) plaintif tidak memenuhi perjanjian mereka apabila gagal membuat bayaran kepada defendan-defendan berkaitan dengan invois-invois yang dikeluarkan oleh defendan kedua sebagaimana yang dipersetujui;

(24) sebaliknya, apabila perkara ini diadukan kepada GMB, plaintif meminta semua dokumen kontrak untuk projek gas. Namun begitu, permintaan ini ditolak oleh defendan-defendan;

(25) oleh sebab pembayaran tidak dibuat, defendan-defendan tidak boleh meneruskan kerja-kerja untuk projek yang sedang berlaku dan oleh itu telah melambatkan perkembangan kerja;

(26) disebabkan keengganan plaintif untuk membuat bayaran, defendan-defendan membuat keputusan untuk memberhentikan semua projek yang sedang berjalan;

(27) pada 3 Julai 2019, defendan pertama menerima emel daripada kakitangan plaintif dengan melampirkan dua draf perjanjian penyelesaian dan draf akujanji. Tetapi defendan pertama tidak bersetuju dengan draf perjanjian tersebut;

(28) rundingan lanjutan telah dijalankan antara pihak-pihak sehingga Ogos 2019;

(29) walaupun pihak-pihak masih dalam proses rundingan, pada 12 September 2019, plaintif telah menyampaikan writ bertarikh 27 Ogos 2019, notis permohonan bertarikh 27 Ogos 2019 dan afidavit sokongan diikrarkan pada 26 Ogos 2019 kepada defendan kedua (prosiding di hadapan mahkamah ini); dan

(30) secara keseluruhannya, defendan-defendan menafikan sebarang kemungkiran kontrak, amanah dan kewajipan fidusiari yang didakwa oleh plaintif.

[5] Atas dakwaan-dakwaan di atas, defendan-defendan telah memfailkan tuntutan balas dengan dakwaan-dakwaan berikut pula:

(a) melalui perjanjian lisan antara defendan pertama dan plaintif melalui Izzuan dan/atau Mayamas dalam tahun 2015, ia telah dipersetujui bahawa, sebagai balasan defendan pertama memperoleh kerja-kerja daripada GMB melalui plaintif, sebagai satu kerjasama dan mengendalikan operasi dan urusan kewangan plaintif, defendan kedua berhak memperoleh 95% dan plaintif akan peroleh 5% daripada bayaran yang diterima untuk projek di bawah RM1 juta. Manakala, untuk projek melebihi RM1 juta, agihan kepada plaintif adalah di bawah 5% daripada bayaran yang diterima;

(b) juga dipersetujui bahawa, semua kos dan perbelanjaan untuk menjalankan kerja akan ditanggung oleh defendan kedua;

(c) bagi sebarang deposit sekuriti yang diperlukan oleh pihak berkuatkuasa yang berkaitan untuk tujuan pengisuan permit kerja, defendan-defendan akan membayar terlebih dahulu bagi dan demi faedah plaintif tetapi 100% harus dipulangkan kepada defendan-defendan pada akhir tempoh liabiliti kerosakan dan apabila yang sama dipulangkan oleh pihak berkuasa;

(d) terdapat satu perjanjian usaha sama dan kerjasama yang dipersetujui antara defendan-defendan dan plaintif. Namun begitu, plaintif melalui Izzuan dan/atau Syed Nazeer menolak perjanjian usaha sama dan kerjasama tersebut dan enggan terikat dengan perjanjian itu;

(e) atas keingkaran dan keengganan plaintif dan/atau agen-agennya, defendan-defendan telah kehilangan manfaat daripada perjanjian tersebut seterusnya defendan-defendan telah mengalami kerosakan dan kerugian yang berikut:

Perkara	Jumlah (RM)
95% agihan	24,563,291.77
Deposit jaminan	1,711,979.50
Projek jaminan bank (RHB Bank)	374,845
Projek jaminan bank (Public Bank)	400,000
Projek jaminan bank (dijamin oleh plaintif ke-2) (RHB Bank)	400,000
Kod Idling	183,889
Jumlah	27,634,005.27

(f) justeru, defendan-defendan menuntut balas terhadap plaintif, secara bersesama dan berasingan untuk relif-relif yang berikut:

(a) Jumlah sebanyak *RM2,769,370.30* sebagai jumlah terhutang kepada defendan-defendan menurut perjanjian usaha sama dan kerjasama tersebut;

(b) Bayaran balik jumlah *RM24,864,634.97* atau jumlah lain seperti yang didapati yang dihutang kepada defendan-defendan disebabkan penolakan dan/atau pelanggaran perjanjian usaha sama dan kerjasama tersebut oleh plaintif, Izzuan, Mayamas dan/atau Syed Nazeer atau salah satu daripada mereka;

(c) Selanjutnya dan/atau sebaliknya, ganti rugi untuk penolakan dan/atau pelanggaran perjanjian usaha sama dan kerjasama serta pelanggaran kewajipan fidusiari oleh plaintif, Izzuan, Mayamas dan/atau Syed Nazeer atau salah satu daripada mereka;

(d) Faedah pada kadar 5% setahun ke atas jumlah penghakiman yang dianugerahkan dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh;

(e) Relif yang lain yang dianggap suaimanfaat oleh Mahkamah ini.

KANDUNGAN 3

[6] Sebelum mahkamah ini mempertimbangkan kandungan 96 yang difailkan oleh plaintif, mahkamah ini berpandangan perlu membangkitkan permohonan yang terdahulu yang difailkan oleh plaintif pada 27 Ogos 2019 yakni kandungan 3. Di kandungan 3, plaintif telah memohon perintah-perintah injunksi menurut A 29 k 1(2A) dan A 92 k 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') terhadap defendan-defendan.

[7] Perintah-perintah injunksi yang dipohon oleh plaintif-plaintif adalah seperti berikut:

(a) Suatu injunksi mareva menghalang defendan pertama dan/atau defendan kedua samada melalui dirinya sendiri dan/atau melalui pengarah-pengarahnya dan/atau melalui pegawai-pegawainya dan/atau melalui pekerja-pekerjanya dan/atau melalui ejen-ejennya dan/atau mana-mana Bank dan/atau mana-mana Institusi Kewangan di Malaysia dan/atau ahli keluarga defendan-defendan daripada memindahkan dan/atau berurusan dan/atau menggunakan dan/atau melupuskan dan/atau melesapkan jumlah RM2,276,740.99 ('Jumlah Tuntutan') yang berada di dalam akaun defendan kedua CIMB Bank No. 8001016147 iaitu di dalam bidangkuasa Mahkamah ini atau di luar bidangkuasa Mahkamah ini, dan memasukkan Jumlah Tuntutan tersebut ke dalam akaun Messrs Ahmeena Aziz & Partners, CIMB Bank Client's Account No. 8601873662 ('akaun peguamcara') sebagai pemegang amanah ('stakeholder') dalam masa 48 jam dari tarikh perintah di sini;

(b) Suatu perintah injunksi mareva bagi defendan pertama dan/atau defendan kedua samada melalui dirinya sendiri dan/atau melalui pengarah-pengarahnya dan/atau melalui pegawai-pegawainya dan/atau melalui pekerja-pekerjanya dan/atau melalui ejen-ejennya untuk bertanggungjawab ke atas Jumlah Tuntutan tersebut atau mana-mana bahagian daripada Jumlah Tuntutan tersebut yang berada di dalam bidangkuasa Mahkamah ini atau di luar bidangkuasa Mahkamah ini, sekiranya terdapat mana-mana jumlah darinya telah dipindahkan dan/atau diuruskan dan/atau digunakan dan/atau dilupuskan dan/atau dilesapkan; dan

suatu perintah untuk defendan pertama dan/atau defendan kedua memulangkan dan/atau memasukkan semula Jumlah Tuntutan tersebut atau sebahagian daripada Jumlah Tuntutan tersebut kepada akaun peguamcara dalam masa 48 jam dari tarikh perintah di sini;

(c) Suatu perintah injunksi interim bagi defendan pertama dan/atau defendanKedua samada melalui dirinya sendiri dan/atau melalui pengarah – pengarahnya dan/atau melalui pegawai-pegawainya dan/atau melalui pekerja-pekerjanya dan/atau melalui ejen-ejennya untuk memberi milikan atau menyerahkan ('*deliver up*') kesemua dokumen-dokumen asal kontrak bagi kesemua kontrak-kontrak yang disenaraikan di dalam eksh SN-39 serta bagi mana-mana projek yang tidak diketahui dan/atau disembunyikan daripada pengetahuan plaintif dan tidak dinyatakan di dalam ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:

(i) Kebenaran daripada agensi-agensi kerajaan seperti JKR, majlis tempatan, LLM, JPS, 'KTMB' dan/atau lain-lain;

(ii) Permit memasang; Permit operasi;

(iii) 'Cathodic protection', Injap aliran paip;

(iv) Laporan pembersihan paip; Laporan ujian tekanan; Laporan swab; Laporan pengeringan; Laporan juru ukur;

(v) 'NDT reports', 'QC report', 'Traceability report', 'Pipeline system commissioning report;

(vi) Fllem-filem radiografi; dan 'As-built drawings'.

(d) Suatu perintah injunksi interim bahawa defendan pertama dan/atau defendan kedua samada melalui dirinya sendiri dan/atau melalui pengarah-pengarahnya dan/atau melalui pegawai-pegawainya dan/atau melalui pekerja-pekerjanya dan/atau melalui ejen-ejennya untuk:

(i) memberikan maklumat penuh akaun dan mendedahkan transaksi kewangan dan kutipan yang dimasukkan:

(a) ke dalam akaun RHB tersebut dari tarikh 14 Disember 2015 hingga 4 Mac 2019;

(b) ke dalam akaun CIMB tersebut dari tarikh 15 Jun 2015 sehingga ke 31 Disember 2019;

(ii) dokumen-dokumen perakaunan Plaintif termasuk tetapi tidak terhad kepada: baucar pembayaran, buku-buku akaun, lejer akaun, kira-kira cukai pendapatan, buku-buku cek, keratan-keratan cek, invois-invois, resit-resit bayaran, slip-slip bank;

(iii) surat tawaran pinjaman bank, kesemua perjanjian pinjaman bank, kesemua perjanjian-perjanjian sewa beli, perjanjian-perjanjian sewaan/pajakan;

(iv) senarai perbelanjaan pejabat slip-slip gaji;

(v) 'purchase order', 'delivery order';

(vi) 'bank guarantee','performance bond, 'fixed deposit'; A

(vii) senarai penghutang dan pemiutang;

(viii) 'Master Project Schedule', 'Surveyor Report', 'QA/QC form' (final document for the previous project), 'QAPlan', 'Construction procedure', 'Engineering, Specification', 'DRF Design Request Form done', 'WPS-WQT, dan 'Interim Payment Certificate': dan B

(ix) lain-lain dokumen-dokumen bagi tujuan audit.

[8] Namun, plaintif tidak meneruskan permohonannya terhadap kesemua perintah-perintah injunksi yang disenaraikan dalam kandungan 3 tersebut kerana pada 20 Januari 2020 plaintif telah menarikbalik permohonannya untuk perintah-perintah di perenggan (a) dan (b). Maka dengan penarikbalikan perenggan-perenggan (a) dan (b), permohonan plaintif bagi memohon perintah bagi perenggan (a) dan (b) kandungan 3 telah dibatalkan oleh Mahkamah ini. C D

[9] Pada 23 Jun 2020 dengan dapatan bahawa plaintif telah berjaya melepasi dan memenuhi ujian-ujian bagi suatu perintah injunksi interim diberikan kepadanya, dengan itu Mahkamah telah membenarkan kandungan 3 bagi perenggan-perenggan (c) dan (d). E

[10] Bagi menyokong permohonannya untuk mendapatkan perintah-perintah injunksi yang disenaraikan dalam perenggan-perenggan (c) dan (d) kandungan 3, plaintif telah bersandarkan kepada alasan-alasan berikut: F

(a) D1 telah melakukan kemungkiran kontrak apabila gagal mengekalkan dan/atau menyalurkan jumlah tahanan seperti yang dipersetujui;

(b) D1 telah melakukan pecah/mungkir amanah ('breach of trust') dan/atau melanggar tanggungjawab fidusiarinya ('breach of fiduciary duty') terhadap plaintif/pengarah-pengarahnya apabila: G

(i) D1 telah menyembunyikan kontrak-kontrak gas yang diperolehi atas nama plaintif dan menyembunyikan kutipan-kutipan ('collections') yang dibuat oleh Bahagian Gas bagi projek-projek yang diperolehinya atau diawad atas nama plaintif dengan menggunakan akaun RHB untuk memasukkan secara terus bayaran daripada majikan (pemberi/pengawad kontrak) yang sepatutnya dimasukkan ke akaun CIMB seperti yang dipersetujui sebelum ini; H I

(ii) D1 telah secara salah menyembunyikan penggunaan akaun RHB dan menggunakannya tanpa kebenaran plaintif dan/atau pengarah-pengarahnya;

(iii) D1 telah menggunakan secara salah wang yang terkumpul di dalam akaun CIMB tersebut;

(iv) D1 dan D2 hingga ke hari ini masih gagal untuk menyerahkan dokumen-dokumen plaintif yang lain terutama dokumen kontrak untuk plaintif meneruskan projek plaintif; dan

(v) D1 telah menghentikan kerja-kerja di projek D2 dengan sepenuhnya dan pemberhentian kerja oleh defendan-defendan telah menyebabkan plaintif terpaksa mengambil alih kerja tersebut memandangkan segala kontrak-kontrak yang diperolehi/diawad atas nama plaintif, maka sebarang liabiliti yang timbul daripada kontrak-kontrak tersebut akan ditanggung plaintif.

[11] Mahkamah perlu menegaskan dalam kes ini melalui pernyataan pembelaan dan afidavit-afidavitnya, defendan-defendan khasnya D1 tidak langsung mempertikaikan tegasan plaintif bahawa wujudnya persepakatan ataupun perjanjian persefahaman lisan antara plaintif, D1 dan D2. Malahan D1 sendiri telah mengakui memang wujud hubungan perniagaan antara plaintif dan defendan-defendan dan hubungan tersebut adalah berlandaskan perkongsian usahasama atau perjanjian kerjasama.

[12] Atas kedudukan tersebut, mahkamah ini semasa pendengaran kandungan 3 telah membuat dapatan bahawa sememangnya wujud perjanjian persepakatan/perkongsian usahasama antara plaintif dan defendan-defendan berhubung pengaturan (arrangement) atau terma 5% wang tahanan ke dalam akaun CIMB plaintif bagi semua kontrak yang dibawa masuk atas nama plaintif samada bagi kontrak letrik ataupun gas.

[13] Selanjutnya dengan kewujudan perjanjian persepakatan/perkongsian usahasama dengan pengaturan (*arrangement*) yang dipersetujui pihak-pihak, maka membuat dapatan bahawa berbangkitlah perhubungan-perhubungan berikut antara defendan-defendan dan plaintif:

(a) hubungan kontraktual atas perjanjian persepakatan/perkongsian usahasama;

(b) tanggungjawab-tanggungjawab fidusiari dalam perlaksanaan perjanjian persepakatan/perkongsian usahasama tersebut; and

(c) tanggungjawab-tanggungjawab untuk bersikap jujur, suci hati, dan amanah dalam perlaksanaan perjanjian persepakatan/perkongsian usahasama tersebut.

[14] Dalam kes ini, plaintif telah mendakwa bahawa wujudnya tindakan atau perlakuan/perbuatan penyembunyian atau tidak mengisytiharkan kontrak-kontrak gas yang telah diperolehi atas nama plaintif oleh

defendan-defendan dan perlakuan-perlakuan sedemikian sememangnya membangkitkan kemungkiran perjanjian perkongsian/persepakatan tersebut.

[15] Begitu juga apabila defendan-defendan sudahlah menyembunyikan kontrak-kontrak gas yang diperolehi atas nama plaintif, mereka (D1 dan D2) telah juga memasukkan transaksi kewangan bagi kontrak-kontrak tersebut dalam akaun RHB yang tidak dalam pengetahuan plaintif. Apabila defendan-defendan mungkir untuk memasukkan wang tahanan 5% ke dalam akuan CIMB atas kontrak-kontrak gas yang diperolehi, ia juga adalah satu perlanggaran perjanjian perkongsian/persepakatan tersebut.

[16] Mahkamah ini juga telah membuat dapatan bahawa tindakan D1 dan D2 menyembunyikan kewujudan akaun RHB dan transaksi-transaksi wang yang dimasukkan ke dalam akaun ini, D1 dan D2 telah mengelak obligasi yang wujud melalui persepakatan/perkongsian tersebut.

[17] Dalam kes ini, plaintif hanya mengetahui tentang kewujudan kontrak-kontrak atas nama plaintif, apabila plaintif telah menerima Notis Semakan Pematuhan Kontraktor daripada CIDB bagi projek-projek EPCC of NGDS to Enstek FL Stage 2/18, EPCC of NGDS to Bandar Sultan Suleiman FL Stage 1/18 dan EPCC of NGDS to T dan EPCC of NGDS to Tanjung Langsat FL Stage 2/147.

[18] Mahkamah ini juga telah berpandangan bahawa dengan penyembunyian kontrak-kontrak yang diperolehi atas nama plaintif, defendan-defendan sememangnya telah memungkiri terma perjanjian perkongsian tersebut serta telah melanggari tanggungjawab fidusiarinya terhadap plaintif dengan tindakan/perbuatan yang sedemikian. Apatah lagi, tindakan defendan-defendan ini adalah bersalahan dengan s 34(1) dan (2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) yang menyatakan seperti berikut:

> (1) Tiap-tiap kontraktor hendaklah mengisytiharkan dan mengemukakan kepada Lembaga, mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga, apa-apa kontrak yang telah diawardkan kepadanya mengenai apa-apa kerja pembinaan.
>
> (2) Bagi tiap-tiap kontrak yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada disetemkan atau tidak, yang mempunyai jumlah kontrak yang melebihi lima ratus ribu ringgit, kontraktor hendaklah bertanggungan untuk membayar kepada Lembaga suatu levi pada kadar suku peratus daripada jumlah kontrak itu.

[19] Mahkamah ini juga telah berpandangan bahawa dengan keterangan-keterangan dokumentar yang telah dikemukakan oleh plaintif,

defendan-defendan sememangnya telah memperolehi kontrak-kontrak gas atas nama plaintif tetapi telah bersikap tidak jujur dan tidak amanah dalam perlaksanaan perjanjian perkongsian tersebut dengan mengambil keseluruhan faedah dan manfaat daripada kontrak-kontrak tersebut. Defendan-defendan sememangnya tidak berniat untuk membuat pembayaran wang 5% tersebut.

[20] Berdasarkan alasan-alasan dinyatakan di atas, di akhir kandungan 3, mahkamah ini telah membuat dapatan bahawa terdapat atau wujudnya isu-isu serius yang bona fide perlu dibicarakan yakni:

(a) isu-isu perlanggaran-perlanggaran terma-terma perjanjian perkongsian usahasama/persepakatan yang dimasuki plaintif dan defendan-defendan;

(b) isu-isu perlanggaran-perlanggaran tanggungjawab/kewajipan fidusiari yang berbangkit daripada perkongsian usahasama/persepakatan yang dimasuki plaintif dan defendan-defendan; dan

(c) dalam perlanggaran-perlanggaran terma-terma perjanjian perkongsian dan tanggungjawab fidusiari yang berbangkit daripada usahasama/persepakatan yang dimasuki plaintif dan defendan-defendan dengan tindakan defendan-defendan yang menghentikan kerja-kerja projek yang sedang dijalankan D2, maka berbangkit isu-isu penyelengggaraan dan perlaksanaan kerja-kerja kontrak-kontrak yang ditinggalkan oleh defendan-defendan.

[21] Dalam kandungan 3, mahkamah ini juga telah memutuskan bahawa imbangan kesenangan memihak kepada plaintif dan ganti rugi kewangan adalah tidak memadai kerana kesan ke atas reputasi plaintif adalah dalam jangka masa panjang dan tidak boleh dipampas dengan wang.

UNDANG-UNDANG MENGENAI PERMOHONAN DI BAWAH A 20 K 5(1) KKM 2012

[22] Sebelum membuat penentuan dan pemutusan ke atas kandungan 96 yang difailkan plaintif, molek kiranya prinsip undang-undang mengenai kuasa budi bicara mahkamah di dalam memberikan kebenaran pihak-pihak untuk meminda pliding di bawah A 20 k 5(1) KKM 2012 dinyatakan dengan ringkas di sini.

[23] Prinsip undang-undang mengenai kuasa budi bicara mahkamah di dalam memberikan kebenaran pihak-pihak untuk meminda pliding di bawah A 20 k 5(1) KKM 2012 adalah jitu dan mantap.

[24] Sebagai prinsip am kuasa budi bicara ini hendaklah dilaksanakan secara kehakiman.

[25] Peruntukan undang-undang berhubung dengan permohonan bagi kebenaran meminda pliding yang diperuntukkan di bawah A 20 k 5(1) KKM 2012 berbunyi berikut:

> Tertakluk kepada Aturan 15, kaedah 6, 6A, 7 dan 8 dan peruntukan yang berikut dalam kaedah ini, Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding membenarkan plaintif meminda writnya, atau mana-mana pihak meminda plidingnya, atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang adil dan mengikut apa-apa cara, sekiranya ada, sebagaimana yang diarahkannya.

[26] Kebenaran meminda pliding boleh dibenarkan pada mana-mana peringkat prosiding walaupun selewat mana asalkan pindaan tersebut tidak menimbulkan sebarang prejudis atau prasangka kepada pihak-pihak.

[27] Di dalam perkara perlaksanaan kuasa budi bicara mahkamah di dalam memberi kebenaran meminda pliding, boleh dikatakan terlalu banyak otoriti yang telah membincangkan dan memutuskan prinsip-prinsip pemakaian kuasa budi bicara di bawah A 20 k 5(1) KKM 2012 ini. Memadai sekiranya mahkamah ini merujuk kepada beberapa kes sebagai panduan dan rujukan.

[28] Di dalam kes *YB Datuk Dr Soon Choon Teck v YB Datuk Robert Lau Hoi Chew & Ors* [2009] 3 MLJ 785; [2009] 4 AMR 759, Mahkamah Rayuan telah memutuskan berikut:

> Held, allowing the appeal with costs:
>
> (1) Under O 20 r 5 of the Rules of the High Court 1980, a judge has wide discretion to amend pleadings. As a matter of general principle, leave to amend is readily given at any stage of the proceedings, however late, provided that no injustice is caused to the parties. *Yamaha Motor Co Ltd v Yamaha (M) Sdn Bhd & Ors* [1983] 1 MLJ 213 referred. Leave to amend may also be given in a case where the application is made after limitation has set in and the amendment seeks to add a new cause of action, if it arises out of the same facts as a cause of action in respect of which relief has been claimed (*Abdul Johari bin Abdul Rahman v Lim How Chong & Ors* [1997] 1 MLJ 629 referred and; *Hock Hua Bank Bhd v Leong Yew Chin* [1987] 1 MLJ 230 referred (see paras 16–19).
>
> (2) In the instant case, even if the proposed amendment gave rise to a new cause of action, it did not turn the suit from one character into another. The proposed amendment merely sought to supplement what had been pleaded earlier in the statement of claim to show that the words complained of referred to the appellant (see para 21)
>
> ...
>
> (4) On the facts, the High Court judge had failed to exercise his discretion judicially. He had also misdirected himself in putting too much weight on the issue of delay and limitation while failing to take into account the general principles applicable in such an application (see para 26).

[29] Di dalam kes *YB Datuk Dr Soon Choon Teck* ini juga, Mahkamah Rayuan di perenggan 23 penghakiman telah merujuk kepada apa yang telah diputuskan oleh Lord Denning di dalam kes *Associated Leisure Ltd (Phonographic Equipment Ltd) v Associated Newspapers Ltd* [1970] 2 QB 450, di ms 455 seperti berikut:

> It is a well settled principle that an amendment ought to in general be allowed even if it comes late, if it is necessary to do justice between the parties, so long any hardship done thereby can be compensated in money.

[30] Pandangan yang sama telah diambil oleh Hakim Abdul Malik Ishak (beliau pada ketika itu) di dalam kes *Ultra Dimension Sdn Bhd v Sepadan Tuah Sdn Bhd* [2000] MLJU 231; [2000] 6 CLJ 548, di mana Hakim Abdul Malik telah merujuk kepada penghakiman di dalam kes *Clarapede & Co v Commercial Union Association* (1883) 32 WR 263, di mana Brett MR telah menyatakan seperti berikut:

> However negligent or careless may have been the first omission, and however late the proposed amendment, the amendment should be allowed if it can be made without injustice to the other side. There is no injustice if the other side can be compensated by costs.

(Sila lihat juga *Wu Siew Ying (t/a Fuh Lin Bud-Grafting Centre) v Gunung Tunggal Quarry & Construction Sdn Bhd & Ors* [2008] 2 MLJ 69, *Mahan Singh v Government of Malaysia* [1973] 2 MLJ 149 dan *Alloy Consolidated Sdn Bhd & Anor v Dato' Dr Hj Adam bin Harun* [2011] 5 MLJ 655; [2011] 4 AMR 301).

[31] Di dalam kes *Yamaha Motor Co Ltd v Yamaha Malaysia Sdn Bhd & Ors* [1983] 1 MLJ 213 telah diputuskan, antara lain, bahawa:

> (1) the general principle is that the court will allow such amendments as will cause no injustice to the other parties. Three basic questions should be considered to determine whether injustice would or would not result *(a) whether the application was bona fide (b) whether the prejudice caused to the other side can be compensated by costs and (c) whether the amendments would not in effect turn the suit from one character into a suit of another and inconsistent character;* (Penekanan dtambah.)

PERMOHONAN PLAINTIF DI KANDUNGAN 96

[32] Berbalik semula kepada kandungan 96, bagi menimbangkan samada permohonan plaintif boleh dibenarkan atau tidak, mahkamah ini perlu menentukan tiga soalan asas berikut:

(a) sama ada permohonan untuk pindaan plaintif dibuat secara suci hati (bona fide);

(b) sama ada permohonan untuk pindaan plaintif akan menimbulkan prasangka terhadap pihak defendan-defendan dan ianya boleh dipampas dengan kos; dan

(c) sama ada pindaan-pindaan yang dipohon oleh plaintif akan menukar ciri/karakter guaman daripada satu ciri ke ciri yang lain dan yang bertentangan.

[33] Cadangan pindaan pernyataan tuntutan yang dilampirkan oleh plaintif dalam lampiran 'A', kandungan 96. plaintif memohon untuk meminda perenggan-perenggan berikut: perenggan 6, 6.1 hingga 6.7, 7, 7.1 hingga 7.3, 8, 9, 10, 10.1 hingga 10.2, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 23, 26, 27, 29, 30, 31, 32, 34, 41, 45, 46, 55, 56, 58, 62, 63, 64, 65, 67, 70, 71, 72, 86, 87, 124, 125, 126, 127,127.1 hingga 127.8, 128, 128.1 hingga 128.4, 129, 130, 131, 132, 133, 134, 135, 135.1 hingga 135.10 dan 136.

[34] Defendan telah membantah pindaan-pindaan di perenggan-perenggan 6, 6.1 hingga 6.7, 7, 7.1 hingga 7.3, 12, 13, 15, 16, 32, 41, 45, 46, 62, 63, 64, 70, 71, 86, 127.7, 127.8, Part E2 128, 128.1 hingga 128.4, 129, Part E4 131, 132, 133, Part E5 134, 135, 135.1 hingga 135.10 dan 136(a).

Alasan-alasan permohonan plaintif

[35] Dalam memohon untuk meminda pernyataan tuntutannya, plaintif telah bersandarkan kepada alasan-alasan berikut:

(a) pada masa pemfailan pernyataan tuntutannya pada *27 Ogos 2019* plaintif masih tidak mempunyai butir-butir mencukupi mengenai jumlah sebenar yang telah diambil oleh defendan pertama tanpa pengetahuan dan kelulusan pengarah-pengarah plaintif. Oleh itu, plaintif telah dengan nyata melalui pernyataan tuntutan telah merizabkan haknya untuk menuntut jumlah yang selanjutnya selepas plaintif menjalankan pemeriksaan dan/atau 'due diligence' dan/atau 'forensic accounting' terhadap kesemua dokumen-dokumen kontrak dan dokumen-dokumen plaintif;

(b) selepas plaintif berjaya mendapatkan perintah injunksi mandatori di kandungan 3, defendan-defendan telah menyerahkan kesemua dokumen-dokumen bagi kesemua kontrak-kontrak gas milik plaintif;

(c) plaintif telah mendapati bahawa terdapat fakta-fakta yang perlu dipinda berdasarkan dokumen-dokumen yang diterima oleh defendan-defendan iaitu:

(i) terdapat sejumlah 23 projek-projek dan jumlah nilai kontrak bagi kesemua 23 projek tersebut yang diawadkan kepada plaintif oleh GMB dan Gamuda yang tidak diketahui oleh plaintif/disembunyikan

daripada pengetahuan plaintif oleh defendan-defendan;

(ii) jumlah wang tuntutan milik plaintif yang telah dikeluarkan dan digunakan oleh defendan-defendan tanpa pengetahuan dan persetujuan plaintif untuk lapan projek-projek plaintif sendiri sebelum tahun 2015 dan yang langsung tidak berkaitan dengan defendan-defendan;

(iii) jumlah levi bagi baki 20 projek yang masih belum dibayar oleh defendan-defendan;

(iv) caj-caj remit yang dikenakan oleh CIMB Bank Bhd untuk transaksi-transaksi atas talian yang diminta untuk dilakukan oleh defendan pertama dan/atau defendan kedua;

(v) jumlah yang dipaksa oleh defendan-defendan untuk dibayar kepadanya untuk membolehkan plaintif mengambil alih projek-projek tertentu;

(vi) ganti rugi khas bagi kehilangan dan/atau kerugian yang disebabkan oleh perbuatan dan/atau kecuaian dan/atau pemecahan kontrak oleh defendan pertama dan/atau defendan kedua dalam menjalankan projek-projek di bawah nama plaintif termasuk tetapi tidak terhad kepada LAD, tolakan majikan, denda dan/atau penalty oleh badan-badan kawal selia liabiliti mana-mana pihak ketiga;

(vii) dokumen-dokumen yang diberikan oleh defendan-defendan sebelum kandungan 3 dibenarkan hanya berkaitan dengan perakaunan serta surat-surat awad dan tidak mengandungi kontrak yang mengandungi terma-terma dan syarat-syarat mengenai projek berkenaan seperti tuntutan progresif ataupun sebarang perubahan kerja ('variation order') ('VO') yang menunjukkan jumlah nilai kontrak yang benar dan tepat;

(viii) plaintif tidak dapat memeriksa dan membuat penyelidikan tentang jumlah sebenar tuntutan terhadap defendan-defendan tanpa dokumen-dokumen kontrak yang lengkap untuk kesemua projek. Adalah mustahil bagi plaintif untuk hanya bergantung kepada penyata akaun bank plaintif kerana penyata akaun tidak menunjukkan maklumat teliti terhadap wang yang diterima adalah untuk projek mana; dan

(ix) pindaan yang dipohon ini adalah bona fide dan dibuat untuk penentuan mahkamah ini semua soalan yang benar-benar dalam pertikaian di antara pihak-pihak dalam prosiding ini, ia tidak mengubah maksud asal tindakan ini serta tidak memprejudiskan defendan-defendan.

Bantahan defendan-defendan

[36] Defendan-defendan telah membantah keras permohonan plaintif dan telah membangkitkan alasan-alasan berikut:

(a) adalah tidak benar bahawa defendan-defendan enggan memberikan dokumen-dokumen kontrak dan dokumen-dokumen projek kepada plaintif bahkan semua dokumen-dokumen kontrak dan dokumen-dokumen projek kepada peguamcara plaintif pada 20 September 2018, 2 Oktober 2018, 3 Oktober 2018, 19 Jun 2019 dan 23 Julai 2019. Plaintif mempunyai akses kepada akaun-akaun banknya sendiri pada semua masa yang material dan oleh itu dapat menyemak atau mengesahkan transaksi dalam akaun-akaun tersebut;

(b) plaintif juga sebenarnya boleh mendapatkan semua dokumen projek atau dokumen kontrak daripada GMB sebelum memfailkan tindakan ini;

(c) cadangan pindaan pernyataan tuntutan mengandungi dakwaan-dakwaan yang dibuat terhadap defendan-defendan contohnya penambahan perenggan 129 cadangan pindaan pernyataan tuntutan, tidak mungkin timbul daripada dokumen-dokumen yang diserahkan oleh defendan-defendan.

(d) perenggan 129 menyatakan:

> 129. Oleh itu, plaintif adalah berhak kepada jumlah sebanyak RM26,160.70 yang merupakan 5% daripada jumlah tuntutan yang telah dikeluarkan oleh defendan-defendan tanpa kebenaran dan tanpa hak daripada akaun bank plaintif. Plaintif juga adalah berhak untuk menuntut terhadap defendan-defendan untuk dipampas bagi kerugian dan kerosakan yang dialami oleh plaintif akibat daripada LAD yang dikenakan di bawah projek-projek tersebut oleh GMB sebanyak RM531,538.40 yang diakibatkan oleh tindakan defendan pertama dan/atau defendan kedua yang mengabaikan projek-projek tersebut sebelum plaintif mengambil alihnya.

(e) cadangan pindaan dalam perenggan-perenggan 8, 12, 15 dan 136(a) cadangan pindaan pernyataan tuntutan dan deklarasi (a) dalam Cadangan Writ Saman Terpinda tersebut akan mengubah sifat tindakan guaman ini kepada sifat tidak konsisten dengan guaman kini. Nama Syed Nazeer digugurkan dalam perjanjian kerjasama tersebut:

> Deklarasi (a) dalam Cadangan Writ Saman Terpinda menyatakan:
>
> a) Suatu deklarasi bahawa terdapat perjanjian usahasama di antara plaintif, ~~Dato' Seri Syed Nazeer Bin Abdul Kareem, Izzuan Hairi Asfarizal Bin Bahari~~ dan defendan pertama untuk menggunakan plaintif sebagai platform untuk mendapatkan dan menjalankan projek-projek menurut terma-terma yang telah dipersetujui.

ANALISIS DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

[37] Penelitian mahkamah ke atas cadangan-cadangan pindaan yang dipohon plaintif, mahkamah ini berpandangan bahawa cadangan

pindaan-pindaan tersebut melibatkan pindaan-pindaan sememangnya agak luas dan banyak. Namun demikian, mahkamah ini juga berpandangan bahawa pindaan-pindaan tersebut hendaklah dibaca secara keseluruhan dengan senario tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan. Plaintif telah mendakwa D1 telah melakukan pecah kontrak perjanjian persepakatan/pecah amanah atau mungkir amanah ('breach of trust') dan/atau melanggar tanggungjawab fidusiari ('breach of fiduciary duty') terhadap plaintif/pengarah-pengarahnya apabila beliau:

(a) D1 telah menyembunyikan kontrak-kontrak gas yang diperolehi atas nama plaintif dan menyembunyikan kutipan-kutipan (*collections*) yang dibuat oleh Bahagian Gas bagi projek-projek yang diperolehinya atau diawad atas nama plaintif dengan menggunakan akaun RHB untuk memasukkan secara terus bayaran daripada majikan (pemberi/pengawad kontrak) yang sepatutnya dimasukkan ke akaun CIMB seperti yang dipersetujui sebelum ini.

(b) D1 telah secara salah menyembunyikan penggunaan akaun RHB dan menggunakannya tanpa kebenaran plaintif dan/atau pengarah-pengarahnya; dan

(c) D1 telah menggunakan secara salah wang yang terkumpul di dalam akaun RHB tersebut.

[38] Pada masa pernyataan tuntutan plaintif difailkan, D1 telah didakwa gagal untuk menyenarai, mengisytihar dan menyerahkan dokumen-dokumen kontrak gas yang dimasuki oleh defendan-defendan atas nama plaintif dan dengan yang demikian plaintif telah memfailkan kandungan 3 untuk memdapatkan antara lain perintah injunksi mandatori supaya defendan mengisytiharkan kepada plaintif semua projek-projek/kontrak-kontrak yang diawad kepada plaintif/atas nama plaintif.

[39] Justeru itu atas perintah injunksi yang diperolehi plaintif daripada mahkamah ini, D1 dan D2 telah menyerahkan kepada plaintif dokumen-dokumen berhubung 23 projek yang telah gagal diisytiharkan oleh D1.

[40] Bagi mahkamah ini, dokumen-dokumen yang diserahkan oleh defendan-defendan yang melibatkan 23 projek ini bukan sahaja melibatkan dokumen-dokumen awad tetapi juga dokumen-dokumen berhubung jumlah wang yang telah dikeluarkan dan digunakan oleh defendan-defendan tanpa pengetahuan dan persetujuan plaintif, dokumen-dokumen berhubung levi, caj-caj perbankan, dokumen-dokumen perubahan kerja ('variation order') ('VO') dan sewajarnyalah dengan dokumen-dokumen tersebut plaintif perlu meminda pernyataan tuntutannya bagi memplidkan tuntutannya dengan jelas dan lebih terperinci.

[41] Oleh itu, defendan-defendan tidak boleh menyatakan bahawa cadangan pindaan-pindaan yang dipohon oleh plaintif bukanlah suatu permohonan yang suci hati (bona fide) kerana sebelum ini dokumen-dokumen tersebut tidak dalam milikan plaintif dan bukanlah dalam pengetahuan plaintif.

[42] Defendan-defendan tidak boleh mengatakan bahawa dokumen-dokumen projek telah diberikan kepada peguamcara plaintif pada 20 September 2018, 2 Oktober 2018, 3 Oktober 2018, 19 Jun 2019 dan 23 Julai 2019, sedangkan dokumen-dokumen yang diperolehi oleh plaintif yang menjadi dasar kepada permohonan pindaan ini adalah dokumen-dokumen yang telah diserahkan atau dikemukakan oleh defendan-defendan setelah perintah injunksi mandatori yang dikeluarkan pada *23 Jun 2020.* Di samping itu, pindaan-pindaan yang dipohon adalah hasil siasatan lanjut yang telah dibuat ke atas dokumen-dokumen tersebut.

[43] Berdasarkan alasan di atas, mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan peguam plaintif bahawa pindaan-pindaan yang dipohon oleh plaintif di perenggan-perenggan 32, 41, 45, 46, 62, 63, 64, 70, 71, 86, 127.7, 127.8, Part E2 128, 128.1 hingga 128.4, 129, Part E4 131, 132, 133, Part E5 134, 135, 135.1 hingga 135.10 adalah pindaan-pindaan yang bona fide.

[44] Mahkamah ini tidak dapat menerima hujahan peguam defendan-defendan bahawa cadangan pindaan dalam perenggan-perenggan 8, 12, 15 dan 136(a) akan mengubah sifat tindakan guaman ini kepada sifat tidak konsisten dengan guaman kini kerana defendan-defendan sememangnya sedar dan mengetahui pengaturan perniagaan atau struktur perniagaan di antara plaintif dan D1 adalah telah bermula sejak perhubungan D1 dengan Izzuan dan Mayamas di mana kerjasama-kerjasama antara mereka sebelum sebagai rakan kerja, dan kemudian melibatkan Datuk Lim Kim Chong bagi mendapatkan kontrak-kontrak gas daripada GMB. Di perenggan-perenggan tersebut, plaintif memohon membuat pindaan bagi mengamplifikasi serta menjelaskan tuntutan plaintif dengan lebih lengkap supaya fakta-fakta dan isu-isu dapat dikenal pasti.

[45] Adalah menjadi dapatan mahkamah bahawa cadangan pindaan-pindaaan dalam perenggan-perenggan 8, 12 dan 15 tersebut sememangnya dalam pengetahuan defendan-defendan dan perenggan-perenggan tersebut bertujuan memperincikan maklumat-maklumat pengaturan perniagaan kedua-dua pihak plaintif dan defendan-defendan dan ianya tidak akan mengubah sifat tindakan guaman yang bersandarkan dakwaan pecah kontrak persepakatan, pecah amanah dan pemecahan tugas fidusiari. Bagi mahkamah ini juga, maklumat-maklumat yang diplidkan dalam cadangan pindaan tersebut adalah semata-mata untuk

melengkapkan (*supplement*) dan memberikan konsistensi dengan apa yang telah diplidkan dalam pernyataan tuntutan dan yang telah diplidkan oleh defendan-defendan dalam pernyataan pembelaan mereka.

[46] Aduan defendan-defendan berhubung cadangan pindaan pada perenggan-perenggan 8, 12 dan 15 dan 136(a) termasuk nama Syed Nazeer digugurkan dalam perjanjian kerjasama tersebut tidak akan mengubah sifat tindakan guaman ini. Seperti yang telah mahkamah ini menyatakan awal tadi tindakan plaintif terhadap defendan-defendan adalah bersandarkan kepada dakwaan-dakwaan D1 dan D2 telah melakukan pemecahan kontrak persepakatan dengan plaintif, memungkiri amanah atas pengaturan perniagaan yang dipersetujui dan pemecahan tugas fidusiari di mana pengaturan perniagaan dan perjanjian persepakatan berhubung kontrak-kontrak gas adalah di antara plaintif dan D1 di mana Syed Nazeer bukanlah pihak-pihak dalam perjanjian persepakatan tersebut. Oleh itu, kalaupun nama Syed Nazeer dikeluarkan, ia tidak mengubah karakter tindakan plaintif terhadap defendan-defendan. Dalam perkara ini, apa yang dipinda oleh plaintif adalah untuk memberikan gambaran yang lebih jelas dan terperinci fakta-fakta yang merangkumi perjanjian persepakatan dan pengaturan perniagaan di antara plaintif dan defendan-defendan. Sekiranya plaintif tidak dibenarkan untuk meminda pernyataan tuntutannya, maka pendedahan fakta-fakta dan isu-isu sebenarnya yang merangkumi tuntutan plaintif akan dihadkan dengan secara pra matang dan ini akan memprejudiskan plaintif. Adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa cadangan pindaan-pindaan yang dipohon oleh plaintif yang membutirkan fakta-fakta terperinci perjanjian persepakatan dan pengaturan perniagaan antara plaintif dan defendan-defendan tidak akan memprejudiskan defendan-defendan kerana D1 dalam pernyataan pembelaannya sendiri mengakui wujudnya perjanjian persepakatan dan pengaturan perniagaan tersebut. Kalaupun ada prejudis, defendan boleh dipampas dengan kos.

[47] Dalam perkara ini, mahkamah ini suka merujuk kepada kes *Dato' Tan Heng Chew v Tan Kim Hor and another appeal* [2009] 5 MLJ 790 yang mana Mahkamah Rayuan di perenggan [43] dan [46] alasan penghakimannya telah menyatakan seperti berikut:

> [43] It is our view that the proposed amendments should be allowed so that the true lessons in controversy between the parties could be resolved. The court exist for the administration of justice and to decide the rights of the parties and since the plaintiff felt that his original statement of claim would not lead to a decision of the real matter in controversy and the law allows the amendment to be made to the pleadings, the plaintiff should be allowed to have it corrected if it can be made without any injustice to the defendant.
>
> [46] We are of the view that in considering whether any injustice would be caused, the position of the plaintiff must be balanced with the interest of the defendant.

> Injustice caused would be far greater if the plaintiff's case is to be limited prematurely. He would be shut out from his claim of true innuendo based on the further plea of extrinsic facts. On the other hand, the defendants would still have their day in court if the proposed amendments are allowed. The trial proper has not begun.... We had no doubt that the plaintiff's application was bona fide. As such, whatever prejudice suffered by the defendants, under the circumstances, could be compensated with costs.

[48] Hakim Tee Ah Sing dalam kes *Datuk David Teng Lung Chi v Chiew Chin Sing, the Secretary of DAP Sarawak (being sued on behalf of DAP Sarawak) & Anor and another appeal* [1998] 5 MLJ 585, telah memutuskan, antara lain:

> It is trite law that an amendment which would enable the real issues between the parties to be tried should be allowed subject to penalties on costs and adjournment, if necessary, unless the amendment would cause injustice of injury to the opposing party which could not be compensated by costs or otherwise ...

Isu kelewatan

[49] Isu kelewatan plaintif dalam memfailkan permohonan yang dibangkitkan defendan-defendan adalah tidak bermerit. Plaintif telah memfailkan permohonan di kandungan 96 pada 30 Disember 2020 dan permohonan ini adalah bersandarkan kepada dokumen-dokumen yang telah dikemukakan/diserahkan defendan-defendan atas arahan perintah injunksi yang telah dikeluarkan oleh mahkamah ini pada 23 Jun 2020 dan semasa pengurusan kes pra perbicaraan, plaintif telahpun memaklumkan kepada mahkamah mengenai hasrat plaintif untuk memfailkan permohonan untuk meminda pernyataan tuntutannya.

[50] Berdasarkan alasan-alasan di atas, adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa pindaan-pindaan yang dipohon oleh plaintif adalah suatu yang bona fide dan ianya tidak langsung mengubah secara substantif karakter tindakan plaintif terhadap defendan-defendan serta tidak mengubah sifat guaman ini. Cadangan pindaan-pindaan yang dipohon plaintif tidak akan memprejudiskan defendan-defendan dan ianya boleh dipampas dengan kos.

[51] Justeru, permohonan plaintif di kandungan 96 plaintif adalah dibenarkan dengan kos sebanyak RM3,500 kepada defendan-defendan tertakluk kepada alokator.

A *Permohonan dibenarkan dengan kos.*

Dilaporkan oleh Muhamad Azham Marwan

B

C

D

E

F

G

H

I